

PELAN PENGAJARAN MUZIUM

Tajuk	KERAJAAN MELAYU AWAL SEJARAH TINGKATAN 1 (SEKOLAH MENENGAH)
Sub Topik	Kerajaan Awal di Asia Tenggara
Objektif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperjelaskan dan memberi gambaran tepat kepada pelajar tentang fungsi, maksud dan ciri-ciri kerajaan agraria dan maritim. 2. Memperjelaskan kepada pelajar kepentingan laluan maritim kepada kerajaan Melayu awal. 3. Merangsang pemikiran dan kreativiti pelajar bagi melahirkan idea-dea yang kreatif dan inovatif.
Aktiviti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar dibawa meneroka dan menghayati kesinambungan kerajaan awal di galeri dan diberi penerangan, pendedahan berkaitan artifak kerajaan Melayu awal secara menyeluruh. 2. Pelajar perlu mengintrepetasi artifak-artifak yang berhubung kait dengan tamadun Melayu awal. 3. Pelajar perlu menganalisis dan memberi pandangan berkaitan teori-teori awal kerajaan Melayu dalam konteks masa kini. 4. Menonton LCD / VCD berkaitan dengan koleksi, sama ada matawang, tapak-tapak bersejarah, ukiran-ukiran seni bina, candi dan patung-patung penyembahan. 5. Melakonkan semula peristiwa-peristiwa penting yang memaparkan kehebatan dan kelangsungan empayar kerajaan Melayu berdasarkan sumber rujukan sekunder. 6. Menganalisis sistem pemerintahan dan pelaksanaan kanun-kanun, sistem perwarisan dan pembentukan negara bangsa. 7. Membahagikan pelajar kepada dua kumpulan bagi membahaskan bentuk sistem pemerintahan kerajaan Melayu awal dan perbandingan dengan masa kini. 8. Melakukan aktiviti eksplorasi dan ekskavasi tapak sejarah bagi mencari bukti tinggalan sejarah kerajaan Melayu awal.
Koleksi	Alat memerah tebu, alat lesung batu, alat lesung kaki dan tangan, batu giling, perahu sagor, perahu layar dan alat sukatan
BBM	Komputer, Multimedia, LCD, slaid power point, replika artifak yang bersesuaian

Refleksi	<ol style="list-style-type: none">1. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan lambang-lambang dan ciri-ciri asas negara bangsa pada zaman kerajaan Melayu awal.2. Pelajar menjawab kuiz berkaitan perbezaan ciri-ciri negara bangsa di antara zaman kerajaan Melayu awal dan Malaysia.3. Pelajar mengulas kepentingan ciri-ciri yang menjadi warisan asas kepada negara bangsa kerajaan Malaysia.4. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses PdP dan modul permuziuman.
-----------------	---